

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [ BANDAR KUCHING ]**

**TARIKH : 16.07.2019 ( SELASA )**

**SOALAN NO. 82**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan Kerajaan untuk mengeluarkan jenayah cubaan bunuh diri atau '*decriminalisation of attempted suicide*' daripada Kanun Keseksaan.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Yang di-Pertua,

1. Jabatan Peguam Negara mengambil inisiatif untuk mengkaji undang-undang berkenaan dengan kesalahan persubahatan dan percubaan membunuh diri di Malaysia kerana kebelakangan ini insiden percubaan membunuh diri semakin meningkat dan meliputi pelbagai peringkat umur. Percubaan membunuh diri berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor dan oleh yang demikian, pendekatan yang lebih holistik perlu diambil untuk mengekang perbuatan tersebut. Kajian ini masih di peringkat rundingan awal dengan pemegang taruh (*stakeholders*). Fokus kajian ini tertumpu kepada seksyen 305, 306 dan 309 Kanun Keseksaan [*Akta 574*] berkaitan dengan kesalahan bunuh diri.

2. Antara pemegang taruh yang dirundingi ialah seperti yang berikut:

- (a) Kementerian Kesihatan;
- (b) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;

- (c) Kementerian Pendidikan;
- (d) Kementerian Komunikasi dan Multimedia;
- (e) Kementerian Belia dan Sukan;
- (f) Polis Diraja Malaysia;
- (g) Jabatan Bomba dan Penyelamat;
- (h) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia;
- (i) Befrienders Kuala Lumpur; dan
- (j) Persatuan Psikiatri Malaysia.

3. Bahagian Pertama kajian ini akan menumpukan kepada kesalahan percubaan membunuh diri di bawah seksyen 309 Kanun Keseksaan manakala Bahagian Kedua kajian yang merangkumi kesalahan persubahatan membunuh diri di bawah seksyen 305 dan 306 Kanun Keseksaan akan dijalankan setelah selesai kajian Bahagian Pertama.

4. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji semula kesalahan melibatkan persubahatan dan percubaan membunuh diri di bawah seksyen 305, 306 dan 309 Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta peruntukan undang-undang lain yang berkaitan dengan tujuan untuk melihat sama ada peruntukan undang-undang itu masih relevan untuk diteruskan dan bagi mengenal pasti pembaharuan undang-undang yang perlu atau yang boleh dibuat.

5. Jabatan Peguam Negara masih menjalankan kajian perbandingan peruntukan undang-undang bagi kesalahan yang serupa dengan kesalahan seksyen 305, 306 dan 309 di bawah Kanun Keseksaan dan pelaksanaannya di United Kingdom, Australia, Pakistan dan India. Kajian perbandingan ini membantu Jabatan Peguam Negara melihat pendekatan yang diambil oleh negara yang dikaji tersebut.

Sekian, terima kasih.